

JPS Updates



FEB '17

ISSN 2229-824X

RIVER OF LIFE

Back to Beauty

River of Life Bakal Bersiaran
di BBC Live

Lawatan Timbalan Menteri NRE
ke lokasi banjir di Pekan, Pahang

Perhimpunan Kali Pertama dan
Sambutan Tahun Baru Cina

Penyertaan JPS Dalam Network of Asian
River Basin Organisations (NARBO)



Isi Kandungan

Lawatan Perdana Menteri
ke Tapak River of Life

4

Infografik River of Life

7

River Of Life - Bakal
bersiaran di BBC Live

8

Perhimpunan Bil
1/2017 dan Sambutan
Perayaan Tahun Baru
Cina

10

Sistem MYRAM APP. 2.0

Taklimat CUEPACS dan
Anti Dadah (TEKAD)

Lawatan Delegasi India
ke JPS Malaysia

12

Sekitar Lawatan YBTM ke
lokasi banjir di Pekan

13

Lawatan KSU NRE ke RTB
Sungai Jimah dan RTB Sg.
Simin, Negeri Sembilan

JPS In Highlight

14

Majlis Penyampaian
Projek-Projek Kecil JPS
Malaysia kepada 52 JKK
Kawasan Dun N3 Tg.
Datu oleh YBM

16

Lawatan tapak Program
NAWABS Lembangan
Sungai Similajau, Sarawak

Lawatan rasmi Bahagian
Khidmat Pengurusan ke
Projek Lencongan Banjir
Barat Perlis dan Empangan
Timah Tasoh, Perlis

Lawatan ke projek menaiktaraf
pusat konservasi gajah
kebangsaan (PKGK) Kuala
Gandah, lanchang, Pahang
(fasa 2)

17

Mesyuarat Pengurusan
Sektor Pakar JPS, Malaysia
dan lawatan ke Taman
Negara Kuala Tahan,
Pahang dan Lawatan
teknikal ke Zoo Bukit
Gambang Safari Park

18

Mesyuarat Pemurnian
Garis Panduan *National
Dam Safety Management
Guidelines* (NDSMG) Dan
Lawatan Ke Empangan
Kenyir

Penerbangan Pesawat
Ebee Sensfly di Empangan
Perting, Pahang

19

Bengkel Kajian Pengurusan
Maklumat Sumber Air
Bersepadu

21

*Study Mobile Flood Wall
Barrier*

Lawatan Unit Integriti
Perbadanan Kemajuan
Kraftangan Malaysia ke
Unit Integriti JPS malaysia

Penyertaan JPS Dalam
*Network of Asian River
Basin Organisations*
(NARBO)

22

Kursus *Lesson Learnt in
Contractual issues*

Sekitar Larian
'H2O Run 2017'

Tahniah Pasukan Boling
JPS

23

Majlis Pecah Tanah Projek
Pembangunan Lembangan
Sungai Moyog, Sabah

Perasmian *Community in
River* (COIR), peringkat
Negeri Johor

24

Pengauditan Projek-projek
melebihi 100 juta

Majlis Ramah Mesra KP
dengan Pesara Bulan Jan
hingga Mac 2017

25

Lawatan Heriot-Watt
University, United Kingdom
ke JPS Malaysia

Mini Karnival Kesihatan
Anjuran Puspanita

26

SUDUT MAKLUMAT

27

BISIK-BISIK JPS

28

Pesona Tudung Rasmi
JPS Malaysia

29

SIDANG REDAKSI



Penasihat

Dato' Sri Ir. Hj Zulkefli Bin Hassan

Penyelaras

Ir. Hj. Abdullah Bin Isnin

Ketua Editor

Dato' Ir. Hj Mohd Azmi Bin Ismail

Editor

Ir. Wan Hasifinaziah Binti Mohd Hassan

Penolong Editor

Nor Hafizah Binti Mohd Suhadis
Suriani Binti Hassin
Thayalam a/l Sekaran

Pereka Grafik

Muhammad Hafiz Bin Khairon
Adjwaz Bin Roslan

Dari Tinta Ketua Editor



“Bagi merealisasikan sungai yang berdaya huni, kebersihan sungai perlulah dijaga, kerana sungai adalah nadi kehidupan”

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.*

Istimewanya keluaran JPS Updates pada bulan Februari ini adalah kerana sisipan utama yang bertemakan *River of Life (ROL)- Back to Beauty*, lebih-lebih lagi apabila Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak melawat ke tapak ROL di Masjid Jamek, Kuala Lumpur baru-baru ini. *River of Life* atau Sungai Nadi Kehidupan merupakan satu *Entry Point Project (EPP)* yang dikenalpasti dalam NKEA Greater Kuala Lumpur/ Lembah Klang di bawah program Pelan Transformasi Ekonomi (ETP). ROL ini bertujuan untuk menjadikan Sungai Klang sebagai sebuah sungai yang *vibrant* dan berdaya huni dengan nilai ekonomi yang tinggi melalui 3 komponen iaitu Pembersihan Sungai, Pengindahan Sungai dan Pembangunan Tanah di tepi sungai. Jika dilihat keadaan Masjid Jamek sekarang sudah jauh berbeza dengan keadaan yang dulu, di mana pengindahan koridor Sungai Klang di Masjid Jamek ini telah mengubah keadaan daripada landskap sungai yang biasa dan kualiti airnya dari III/ V kepada sungai yang menjadi daya tarikan di bandar Kuala Lumpur dan mampu menjana ekonomi yang tinggi kepada Kuala Lumpur. Sudah tentunya dengan sedikit maklumat yang saya berikan ini dapat memberikan idea kepada pembaca betapa besarnya impak projek ROL ini kepada bandaraya Kuala Lumpur kita.

Selain dari menjadi wadah penyampaian maklumat, seperti kebiasaannya juga buletin rasmi Jabatan Pengairan dan Saliran, Malaysia ini turut merakamkan aktiviti-aktiviti penting Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia mengikut peristiwa yang berlaku pada setiap bulan untuk sebaran dalaman dan perkongsian bersama agensi awam yang lain serta media prima. Saya juga mengharapkan agar artikel berbentuk ilmiah yang dimuatkan dalam buletin ini dapat mencambah serta menjana potensi dan kompetensi di kalangan warga JPS Malaysia serta pembaca dalam melaksanakan amanah dan tugas yang telah diberi.

Akhir kata, sebelum pembaca melangkah pembacaan ke helaian yang seterusnya, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru Cina 2017 kepada semua warga JPS dan pembaca yang berbangsa Cina, semoga Tahun Ayam ini membawa kebahagiaan dan kejayaan!. Gong Xi Fa Cai!.

Dato' Ir. Haji Mohd Azmi Bin Ismail



River of Life 'Rediscover, Reconnect'

- YAB Datuk Seri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak

Oleh: Suriani Hassin, Bahagian Korporat

Di dalam akaun 'Facebook Najib Razak', beliau telah menyatakan bahawa Projek River of Life (ROL) atau Sungai Nadi Kehidupan ini merupakan salah satu usaha kerajaan dalam mentransformasikan lanskap Bandaraya Kuala Lumpur untuk menjadi sebuah bandaraya yang berhuni tinggi dan penduduknya mempunyai kualiti hidup tinggi. Di bawah projek ROL ini, Sungai Gombak dan Sungai Klang akan dibersihkan, diindahkan dan diberikan nafas baru sebagai Pusat Warisan dan Komersial bagi Greater Kuala Lumpur.

Perdana Menteri juga berkata, menjelang tahun 2020, kualiti air Sungai di Bandaraya Kuala Lumpur akan berubah, di mana kualiti air sungai ditambahbaik dari kelas III-IV kepada kelas IIB (yang didefinisikan sebagai lebih selamat untuk rekreasi dan sentuhan badan).



"Saya percaya melalui projek ROL ini, potensi Bandaraya Kuala Lumpur bakal direalisasikan apabila aset sungai yang wujud dapat digunakan secara optimum dan pada masa yang sama, alam sekitar kita dapat dipelihara."

Jabatan Pengairan dan Saliran, Malaysia memaklumkan bahawa kerja-kerja pembersihan sungai sepanjang 110 kilometer Lembangan Sungai Klang di bawah projek ROL ini telah mencapai 72%. Menurut YBhg. Dato' Ir. Haji Mohd Azmi bin Ismail, Pengarah Bahagian Korporat, JPS Malaysia, kerja-kerja pembersihan ini termasuk memasang alat perangkap sampah di empat loji rawatan kumbahan utama di sekitar tapak projek ROL bagi memastikan air kotor dirawat sebelum dilepaskan ke sungai. Ujar beliau lagi, pada masa ini kerja pembersihan sungai sedang dijalankan di sekitar Masjid Jamek, dan telah mencapai 97% iaitu hampir siap.

Dalam masa yang sama, sesi lawatan Perdana Menteri di Masjid Jamek pada 20 Februari 2017 ini juga diiringi oleh Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar dan Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran, Malaysia, YBhg. Dato' Sri Ir. Haji Zulkefli bin Hassan. Dalam lawatan ROL ini, Ketua Pengarah JPS Malaysia telah menerangkan kepada YAB Perdana Menteri dan dif-dif kehormat yang lain berkenaan *Interceptor System*, yang digunakan di dalam kerja-kerja pembersihan sungai oleh JPS Malaysia.



Interceptor system yang dipasang di tapak



OVERVIEW

THE RIVER OF LIFE PROJECT

The River of Life, identified as a project under the National Transformation Programme, aims to **transform 8 rivers** that are located within the Greater KL/Klang Valley region.

OVERALL RIVER OF LIFE BASIN MAP




64%

OVERALL
PROGRESS
as of February 2017

RIVER OF LIFE
BEAUTIFICATION MASTERPLAN



PRECINCT 7



THERE ARE 6 ZONES IN PRECINCT 7

- 1 St Mary's Cathedral and Count Down Clock
- 2 Masjid Jamek and Panggung Bandaraya
- 3 HSBC and Leboh Pasar Besar
- 4 Bangunan Sultan Abdul Samad
- 5 Central Market and Daya Bumi
- 6 Pasar Seni LRT

You are
now in
Precinct 7

ZONE 2: MASJID JAMEK AND PANGGUNG BANDARAYA



Masjid Jamek
makes up
14%
of Precinct 7

The River of Life
Project aims to

- 1 Re-establish the city's historical core through special care in ensuring conservation
- 2 Provide efficient intermodal connections to ensure ease of navigation for visitors and locals
- 3 Create nodes of activity along the riverfront
- 4 Introduce a variety of uses to revitalise existing developments

THERE ARE 3 MAJOR COMPONENTS TO THE RIVER OF LIFE PROJECT

RIVER CLEANING

The aim is to revitalise them from their current states into clean rivers that can support recreational activities, with vibrant and liveable waterfronts, thereby increasing the economic value of its surroundings.

Improve River Water Quality along

110km
covering
8 rivers
by 2020



72%
COMPLETE
as of February 2017

RIVER BEAUTIFICATION

By rejuvenating the Klang and Gombak rivers in the heart of Greater KL, city residents and visitors will have the opportunity to rediscover the aesthetic nature of our rivers and reconnect with them in an ecological way.

Beautify

10.7km
stretch along the Klang and Gombak
river corridors,
11 Precincts and **9 Packages**
to be completed by 2019



40%
COMPLETE
as of February 2017

COMMERCIALISATION & TOURISM

Maximise the
**social and economic
potential**
of the Klang and Gombak Riverfronts



YEAR
2020
AND BEYOND

WHAT WILL RIVER OF LIFE ACHIEVE?

35,000
Residents of
River of Life



27,500
New
Jobs



1million
sqm of
Commercial
Space



13,900
Residential
Units



4,300
Public
Housing
Units



3
Riverfront
Festivals



30%
Water Capacity
To Mitigate
Flooding



4
Transit
Oriented
Developments



45min
Cycle Journey
from End
to End



15%
Reduction
In Traffic
Demand



900%
Habitat
Areas



20
Football
Fields of
Green Area



7MWh/YR
of Clean
Energy




10km
of Pedestrian
Oriented
Streets





HOW THE INTERCEPTOR SYSTEM WORKS

Class IIB

water is discharged into the river from the treatment plants



The Interceptor pipes divert sullage and waste water from homes, commercial premises and buildings to treatment plants to be treated before being released as Class IIB water into the river.



MAJOR SYSTEM COMPONENTS OF P7

4

Treatment Plants
out of 11 in total

24

Combined Stormwater Outlets
out of 47 in total

3

Pump Stations
out of 40 in total

2.2

kilometres of pipeline
out of 12km in total

River Of Life

Bakal bersiaran di BBC Live

Oleh: Nor Hafizah binti Mohd Suhadis, Bahagian Korporat

Aspirasi Negara ke arah menjadikan Kuala Lumpur antara bandar metropolis di Asia dan pada masa yang sama menjadi bandar yang paling sesuai didiami menjelang 2020 telah mendorong kepada pembangunan Projek River of Life atau Sungai Nadi Kehidupan. Hal ini turut merujuk kepada kejayaan Negara maju yang lain seperti Korea khususnya di dalam projek pemulihan sungai yang turut dijadikan sebagai penanda aras untuk hasrat ini direalisasikan di Malaysia. Liputan menyeluruh di seluruh Negara ke arah mentransformasikan koridor Klang-Gombak River di Kuala Lumpur telah banyak dihebahkan sejak kebelakangan ini.

Liputan ini turut mendapat perhatian di peringkat antarabangsa dimana pada 17 Februari 2017 yang lalu, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia selaku agensi penyelaras dan pelaksana bagi 7 inisiatif di bawah Inisiatif Utama ROL telah didatangi oleh wakil dari BBC RADIO, LONDON bagi membuat liputan dan melihat perkembangan berkaitan pelaksanaan Interceptor System bertempat di Masjid Jamek, Kuala Lumpur. Yang Berusaha Al-Fadhil Ustaz Mohd Faisal bin Tan Mutalib, Imam Masjid Jamek, Kuala Lumpur turut dijemput selaku wakil komuniti di kawasan tersebut bagi memberikan buah fikiran serta pandangan berhubung faedah yang diterima kesan dari pelaksanaan projek ini. Satu liputan khas berkaitan ROL akan disiarkan di 'BBC World Service Radio Series' bagi meraikan dua projek penjanaan dan pemulihan semula sungai Los Angeles dan Sungai Klang bertajuk *The New life Being Envisaged For The LA River* dan *The Regeneration of The Klang River in Kuala Lumpur*.

YBhg Dato' Ir Hj Mohd Azmi bin Ismail selaku wakil dari JPS semasa sesi temubual tersebut telah memberikan penjelasan berhubung pelaksanaan projek RoL ini, dimana JPS bertanggungjawab selaku penyelaras yang menyelaras 26 agensi di empat Kementerian termasuk 3 Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS). Selain itu, JPS juga dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan beberapa komponen projek ROL, seperti pembinaan pemintas dan sistem rawatan air basuhan, penstabilan tebing sungai, tebatan banjir dan lain-lain.

Pelaksanaan ROL ini adalah meliputi sepanjang 110 kilometer sungai utama dan anak sungai di dalam lembangan Sungai Klang dengan fokus utama pelaksanaan kearah:

1. Mencapai piawaian air yang lebih tinggi dari Sungai Klang-Gombak dari kelas III - V (tidak sesuai disentuh) kepada kelas IIB (rekreasi) dengan memberi tumpuan kepada tiga bidang utama iaitu pembersihan sungai, pengindahan sungai dan pembangunan tanah.
2. Menyediakan perlindungan tebatan banjir yang mencukupi di kawasan projek sekitarnya.
3. Mengubah koridor Klang-Gombak River di Kuala Lumpur kepada kawasan yang lebih segar dan sesuai didiami disamping dapat menjana nilai ekonomi.

Selain dari pelaksanaan projek yang bersifat fizikal, JPS turut terlibat dalam pelaksanaan program kemasyarakatan dibawah *Public Outreach Program* (POP) dengan matlamat untuk menerapkan pemahaman ke arah penjagaan dan pemeliharaan sungai serta menanam rasa cinta sungai khususnya kepada generasi muda selaku anak bangsa yang bakal mencorakkan negara dan melestarikan alam sekitar di masa akan datang.

“Through the Public Outreach Programme (POP), communities are being exposed with the sense of ownership concept by persuading them to change their behavior with the living river approach”





PERHIMPUNAN KALI PERTAMA TAHUN 2017 BERSAMA KETUA PENGARAH JPS MALAYSIA

Dalam menyahut cabaran tahun 2017 ini, YBhg. Dato' Sri Ir. Haji Zulkefli bin Hassan menyeru dan mengajak seluruh warga JPS supaya menanamkan azam dan tekad yang tinggi untuk berjuang bersama demi menuju ke arah yang lebih cemerlang. Pada masa yang sama, beliau mengingatkan warga JPS bahawa dalam keadaan ekonomi yang mencabar ini, kakitangan wajar mengambil iktibar dan memainkan peranan penting dalam usaha mengamalkan perbelanjaan secara berhemah dengan mengelakkan sebarang pembaziran dengan mengambil langkah yang bijak dalam mengurus sumber kewangan yang diperuntukkan, membudayakan inovasi dan kreativiti dalam merakyatkan perkhidmatan awam secara berterusan yang secara tidak langsung dapat menjimatkan sumber kewangan tetapi dapat menghasilkan impak yang tinggi kepada rakyat.

Seluruh warga ibu pejabat JPS Malaysia turut berkongsi kemeriahan sambutan perayaan Tahun Baru Cina yang diadakan di perkarangan Ibu Pejabat. YBhg. Dato' Sri Ketua Pengarah juga mengharapkan seluruh warga JPS mempunyai semangat persefahaman dan sikap saling menghormati dalam mewujudkan sebuah masyarakat yang stabil dan makmur berdasarkan prinsip keamanan dan empati.

YBhg. Ketua Pengarah juga turut mengucapkan tahniah kepada pegawai - pegawai yang telah dinaikkan pangkat dan pengarah-pengarah baru pada tahun ini.

Oleh: Bahagian Korporat

Sepertimana perhimpunan yang telah diadakan sebelum ini, perhimpunan pada 8 Februari 2017 ini berlangsung buat kali pertama pada tahun 2017 di mana Ketua Pengarah, YBhg. Dato' Sri Ir. Haji Zulkefli bin Hassan, telah menyampaikan amanat beliau kepada semua warga JPS Malaysia dan juga beramah mesra bersama kakitangan JPS. Pada masa yang sama, Sambutan Tahun Baru Cina JPS Malaysia dan Majlis Kesyukuran bagi pegawai-pegawai baru JUSA telah diadakan selepas tamat sesi perhimpunan ini.

Dalam ucapan beliau, YBhg. Dato' Sri Ir. Haji Zulkefli bin Hassan menzahirkan rasa bangga kerana sepanjang tahun 2016, JPS Malaysia telah berjaya mengharungi cabaran sepanjang tahun lalu dan juga telah berjaya memberikan perkhidmatan yang sempurna kepada masyarakat serta mencapai KPI yang telah ditetapkan diperingkat Jabatan mahupun di peringkat Kementerian NRE.

TAHNIAH!

- **Ir. Hj. Abdullah bin Isnin**, Pengarah Kanan
- **Dato' Ir. Hj. Nor Hisham bin Mohd. Ghazali**, Memangku Jusa B, Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi.
- **Ir. Dr. Hj. Ahmad Anuar bin Othman**, Memangku Jusa C, Pengarah Bahagian Projek Khas
- **Ir. Hj. Azmi bin Ibrahim**, Memangku Jusa C, Pengarah JPS Negeri Selangor
- **Ir. Ng Kok Seng**, Memangku Jusa C, Pengarah Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai
- **Ir. Che Mohd Dahan Bin Che Jusoh**, Memangku Jusa C, Pengarah JPS Johor
- **Ir. Hj. Md. Khairi bin Selamat**, Pengarah Bahagian Bangunan dan Infrastruktur

Sambutan Perayaan Tahun Baru Cina



Sistem MyRAM App 2.0

Oleh: Hanisah Binti Taib, Bahagian Pengurusan Maklumat

Pada 3-5 Februari yang lalu, Bahagian Pengurusan Maklumat, JPS Malaysia telah mengadakan satu bengkel bagi Kajian Semula Pelan dan Penilaian Risiko Menggunakan Sistem MYRAM App. 2.0 bagi *Information Security Management System* ISO/IEC 27001:2013 bertempat di Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (I-KPKT), Berjaya Hills, Bukit Tinggi.

Bengkel yang diketuai oleh Pengarah Bahagian Pengurusan Maklumat, Puan Ir. Norizan binti Harun ini bertujuan untuk memastikan penyemakan semula ISMS MS ISO/IEC 27001:2013 dan pematuhan terhadap standard ISMS dipatuhi selain untuk memastikan pengemaskinian maklumat aset di dalam Sistem MyRAM App. 2.0 siap dibuat diakhir bengkel



Taklimat CUEPACS dan Anti Dadah (TEKAD)

Oleh: Bahagian Korporat

Satu sesi taklimat bagi memberikan kesedaran awam kepada Warga JPS Malaysia telah diadakan pada 8 Februari 2017 bertempat di bilik Gerakan, JPS Malaysia. Sesi taklimat ini dipecahkan kepada 2 sesi iaitu taklimat dari pihak Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), dan Taklimat Antidadah oleh pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), cawangan Dang Wangi, Kuala Lumpur.

Pada sesi pertama, warga JPS telah didedahkan dengan faedah-faedah skim insurans individu dan berkelompok yang ditawarkan oleh pihak CUEPACS. Seperti yang kita maklum, pencarum insurans termaktub dalam perlindungan oleh pihak insurans yang dicarum setiap bulan sekiranya berlaku perkara-perkara yang tidak diingini dari segi kesihatan, kecatatan anggota badan dan hilang upaya, rawatan hospital serta melibatkan kematian.

Taklimat TEKAD yang disampaikan oleh Puan Azlina binti Aripin, daripada AADK Dang Wangi juga menarik peserta taklimat apabila beliau telah memberikan gambaran kepada peserta jenis-jenis dadah terbaru dan bahaya dadah kepada pengambilnya. Pada taklimat ini juga, beliau menyeru kepada warga JPS Malaysia agar bersama-sama membantu dalam memerangi gejala dadah ini di tempat kerja dan rumah, kerana dadah merosakkan anak bangsa dan punca kepada pelbagai masalah.

Lawatan Delegasi India ke JPS Malaysia

Oleh: HTC KL, Bhgn Peng. Lemb. Sungai

Pada 7 Februari 2017 yang lalu, pihak Indah Water Training Centre (IWTC) bersama *Centre for Science and Environment* (CSE), India telah mengadakan lawatan ke Jabatan Pengairan dan Saliran, Malaysia yang bertujuan untuk mempelajari dan memahami polisi, isu dan cabaran-cabaran dalam pengurusan pembersihan sungai di Malaysia dalam pengurusan Sanitasi dan pembersihan sungai khususnya projek Greater KL dan River of Life (ROL).

YBhg. Dato' Dr. Md. Nasir bin Md. Noh, Timbalan Ketua Pengarah I (Sektor Bisnes), Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia telah mempengerusikan sesi taklimat kepada 15 orang delegasi India yang hadir. Taklimat berkenaan River Of Life telah disampaikan oleh Ir. Wong Chee Loong (Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai) kepada delegasi tersebut. Selesai taklimat, delegasi ini juga dibawa melawat ke Loji Rawatan Air Sungai (RWTP) Sungai Belongkong, Gombak dan Loji *Interceptor 1* (Plant 1) dan St.Mary Cathedral.



Lawatan YB Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar ke Lokasi Banjir di Pekan, Pahang

Oleh: JPS Daerah Pekan, Pahang

Bagi negeri-negeri di pantai timur Semenanjung Malaysia, bulan November sehingga Mac merupakan bulan yang mempunyai hujan maksimum sehingga mengakibatkan berlakunya banjir di kawasan-kawasan tertentu yang telah dikenalpasti dan ada juga kawasan yang baru berlakunya banjir

Seperti di Pahang, di antara daerah yang terjejas teruk akibat banjir pada Tahun 2017 ini adalah daerah Pekan. Sepertimana yang dilaporkan oleh berita Astro Awani, 13 buah sekolah di daerah Pekan telah diarahkan tutup berikutan banjir yang melanda melibatkan 2,128 orang pelajar dan 268 orang guru.

Sehubungan dengan itu, YB Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar telah turun padang dan membuat lawatan ke beberapa buah lokasi banjir di Pekan iaitu di Sekolah Kebangsaan Paloh Hinai, Kampung Serambi, Sekolah Kebangsaan Temai dan Perumahan Taman Pelangkah bagi meninjau kesan banjir ke atas sekolah dan kawasan penempatan yang teruk terjejas dengan banjir akibat limpahan air sungai.

Pada sesi lawatan ini, YB Timbalan Menteri telah diiringi dan diberikan taklimat oleh Ketua Pengarah JPS Malaysia, YBhg. Dato' Sri Ir. Haji Zulkefli bin Hassan, Pengarah JPS Negeri Pahang, YBhg. Dato' Shahrudin bin Ibrahim, Jurutera JPS Daerah Pekan, Ir. Mohd Azam bin Mohd Nor berkenaan kawasan-kawasan banjir yang dilawati.



Lawatan Ketua Setiausaha NRE ke RTB Sungai Jimah dan RTB Sungai Simin, Negeri Sembilan

Oleh: Bahagian Korporat

Pada 10 Februari 2017 yang lalu, satu lawatan kerja YBhg. Dato' Sri Azizan bin Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ke Rancangan Tebatan Banjir Sungai Jimah dan Rancangan Tebatan Banjir Sungai Simin, Negeri Sembilan telah diadakan yang juga telah dihadiri bersama oleh Ketua Pengarah JPS Malaysia, YBhg. Dato' Sri Ir. Haji Zulkefli bin Hassan.

Rancangan Tebatan Banjir Sungai Jimah dan Rancangan Tebatan Banjir Sungai Simin, Negeri Sembilan merupakan projek yang melibatkan kerja-kerja melebar dan mendalamkan sungai, kerja pembinaan jambatan *Medium Traffic Bridge* (MTB) dan *Foot Traffic Bridge* (FTB) serta kerja-kerja pemasangan penahan tebing, kerja-kerja pembinaan ban banjir serta kerja-kerja menaiktaraf saliran kawasan.



JPS IN HIGHLIGHT

Sisipan Akhbar Sinar Harian - Terengganu

Dipercepat setahun lebih awal

Projek tebatan banjir bakal dilaksanakan tahun ini untuk manfaat hampir 2,000 mangsa banjir di Kemasik

AIR JERNIH - Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam, Tenaga dan Teknologi Hijau negeri, Ir Rosli Othman sedang berusaha untuk mempercepat pelaksanaan Projek Tebatan Banjir Sungai Kemasik bernilai RM60 juta pada tahun ini, berbanding pelaksanaan asal yang dijadualkan tahun depan.

Rosli yang juga Adun Kemasik berkata, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sudah menyiapkan semua dokumentasi dan sedang melakukan kemas kini akhir sebelum proses tender.

"Mengikut jadual, projek di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Ke-11 ini akan dilaksanakan pada 2018 dan dijangka siap pada 2020. Kita sedang berusaha agar projek ini dapat dipercepatkan pada tahun ini juga.

Jika cepat dijalankan, cepatlah siap demi manfaat hampir 2,000 mangsa banjir di Kemasik," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Sambutan Tahun Baharu Cina Peringkat Dun Kemasik 2017, yang dihadiri 500 penduduk pelbagai bangsa di gelanggang bola keranjang Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Lok Khoo Air Jernih.

Rosli memberitahu, dalam bencana banjir baru-baru ini, jumlah mangsa yang berpindah ke pusat penindahan sementara ialah seramai 600 orang, dan Kemasik pernah merekodkan jumlah mangsa berpindah hingga 1,200 orang pada satu-satu masa.

Katanya, projek itu akan dilaksanakan di sepanjang Sungai Kemasik sejauh lima kilometer, melibatkan banyak



Rosli dan isteri, Fazli sebagai simbolik per...

komponen ter...
binaan kolam...
parit besar.

Dalam...
Rosli, P...
Banjir L...

"Sebahagian komponen projek ini adalah pembinaan dua jambatan setiap satu sepanjang 300 meter. Salah satu jambatan itu akan dibina Jabatan Kerja Raya yang turut masuk dalam projek naik taraf Jalan Chukai-Pasir Gajah.

"Sebuah lagi jambatan dibina di Paman di bawah projek tebatan banjir Sungai Kemaman. Dengan adanya projek ini, jalan perhubungan tidak lagi terputus kerana ditenggelami bah," katanya.

Mengulas mengenai majlis itu, Rosli berkata, kali kedua pihaknya mengadakan majlis sambutan itu melibatkan 100 keluarga Tionghoa di Kerteh dan

Projek tebatan banjir RM278.8j dilulus

Wartawan Utusan Malaysia : NursurayaZulkifli



Hasan ABD. RAHMAN (tengah) memotong riben perasmian Agrobazar Rakyat 1Malaysia Pertubuhan Peladang Kawasan Merlimau, Melaka

JASIN 8 Feb. - Sebanyak RM278.8 juta peruntukan kerajaan negeri melaksanakan projek Rancangan Persekutuan bagi membolehkan kerajaan negeri melaksanakan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di tiga kawasan negeri ini yang berisiko banjir.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Pembangunan Usahawan negeri, Datuk Hasan Abd. Rahman berkata, projek tersebut dijangka bermula hujung tahun ini melibatkan kawasan Melaka Tengah iaitu RM162.8 juta, Jasin (RM60 juta) dan Merlimau (RM56 juta).

Beliau berkata, pelaksanaan projek itu dilihat mampu mengurangkan dan menyelesaikan isu-isu berkaitan banjir yang sering terjadi apabila tiba musim tengkujuh di negeri ini.

"Sudah pasti projek ini akan memberi kelegaan terutamanya kepada golongan penternak, peladang dan petani di negeri ini yang berisiko besar hasil pertanian dan penternakan mereka boleh terjejas sekiranya berlaku banjir.

"Kita juga akan memberi peruntukan bagi menjalankan projek RTB ini di daerah Alor Gajah pada tahun depan dan kerajaan negeri amat berterima kasih dengan sokongan yang diberikan oleh kerajaan PPK Merlimau, Abdul Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan Agrobazar Rakyat 1Malaysia Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Merlimau di sini semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang negeri, Datuk Abu Pit; Timbalan Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang negeri, Haryani Abdul Manaf dan Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah PPK Merlimau, Abdul Kalam Hassan.

Dalam pada itu, Hasan berkata, pihaknya menggesa penglibatan daripada aka...
umbi seperti kumpulan petani, peladang dan penternak serta Jawatanku...
juan dan Keselamatan Kampung (JKKK) serta wakil rakyat dal...
dangan dan idea berkaitan pelaksanaan projek tersebut.

"Segala idea dan input yang disuarakan...
perkara ber-kenaan dibawa ma...
erian"

"Ia termasuk..."

JPS IN HIGHLIGHT

Dipercepat setahun

Projek tebatan banjir bakal diluluskan

AIR JERNIH - Exco Infrastruktur, Kemajuan Awam dan

Lulus peruntukan RM572 juta

Fairul Asmaini Mohd Pilus dan Muhaamad Razis Ismail
am@hmetro.com.my



Kuala Lumpur: Kerajaan meluluskan peruntukan RM572 juta bagi melaksanakan projek di bawah program Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Kelantan Fasa 1 yang bermula tahun lalu dan dijangka siap sepenuhnya pada 2020.

Pelaksanaan projek di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) itu merangkumi tiga objektif utama iaitu Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Fasa 1, 'Living River' dan saliran mesra alam.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Daruk Hamim Samuri berkata, pelaksanaan projek itu membabitkan lima komponen utama, antaranya pembinaan tebing penghalang ombak (levee) sejauh tiga kilometer (km) dari Kampung Tikar ke Kampung Kedai Buloh, Kota Bharu dan 'levee' 5.6 km dari Kampung Palekhang ke Kampung Kok Majid, Tumpat.

Kuala Lumpur: Kerajaan meluluskan peruntukan RM572 juta bagi melaksanakan projek di bawah program Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Kelantan Fasa 1 yang bermula tahun lalu dan dijangka siap sepenuhnya pada 2020.

Pelaksanaan projek di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) itu merangkumi tiga objektif utama iaitu Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Fasa 1, 'Living River' dan saliran mesra alam.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Daruk Hamim Samuri berkata, pelaksanaan projek itu membabitkan lima komponen utama, antaranya pembinaan tebing penghalang ombak (levee) sejauh tiga kilometer (km) dari Kampung Tikar ke Kampung Kedai Buloh, Kota Bharu dan 'levee' 5.6 km dari Kampung Palekhang ke Kampung Kok Majid, Tumpat.

"Projek itu turut membabitkan pembinaan tebing penghalang banjir sepanjang 1.4km di Kampung Laut (Tumpat) pengerukan (pengorekan) muara Sungai Pengkalan Daru, Kota Bharu.

"Selain itu, menerusi projek berkenaan, sistem saliran utama Istana Kota Lama juga akan dinaik taraf," katanya. Menurut, pelaksanaan projek PLSB melangkaui sehingga Rancangan Malaysia Ketigabelas (RMK13) dan memerlukan keseluruhan RM9 bilion. Beliau berkata, projek pembangunan PLSB Sungai Kelantan dimulakan pelaksanaan kajian oleh perunding dan ia bermula sejak November 2015 dan dijangka siap penghujung tahun.

"Ia kemudian disusuli pelaksanaan PLSB Sungai Kelantan Fasa 1 yang diluluskan peruntukan RM572 juta. Berdasarkan perancangan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), skop kerja bagi pembinaan Empangan Sungai dan Sungai Lebir termasuk di dalam fasa ketiga bergantung kepada peruntukan diluluskan secara berperingkat. Tambahnya, menerusi Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10), kerajaan menyiapkan kerja penstabilan dengan struktur tebing penghalang banjir sepanjang 50.3km yang menelan belanja RM120 juta.

Beliau berkata, projek untuk memelihara dan mengekalkan sempadan negara di sepanjang Sungai Golok penstabilan tebing itu yang siap sepenuhnya tahun lalu. "Kerajaan turut memperuntukkan RM300 juta bagi projek PLSB Sungai Golok Fasa Satu untuk kawalan.

"Bagaimanapun, projek itu bersambung ke RMK seterusnya bagi pelaksanaan penyelesaian sistem kawalan. Dalam pada itu, Hamim berkata, Sistem Penyeliaan Kawalan dan Perolehan Data (SCADA) tidak dapat digunakan sebelum ini sehingga dibangkitkan dalam laporan Audit Negara, bagi memastikan projek berfungsi untuk membuka dan menutup pintu air secara automatik di Sungai menyebabkan beberapa kerja penggantian dan pembaikan komponen yang

"SCADA berfungsi untuk membuka dan menutup pintu air secara automatik di Sungai Kelantan." Selepas beberapa kerja penggantian dan pembaikan komponen yang berfungsi seperti biasa," katanya.

"Segala idea dan input perkerja ber-kenaan dibawah erian untuk



Majlis Penyampaian Projek-projek Kecil JPS Malaysia oleh Menteri NRE

Oleh: Muhammad Hafiz Bin Khairon, Bahagian Korporat

Satu Majlis Penyampaian Projek-projek Kecil JPS Kepada JKK Kawasan Dun N3 Tanjung Datu telah disempurnakan oleh YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bi Tuanku Jaafar di Lundu, Sarawak pada 16 Februari 2017.

Dalam majlis ini, seramai 52 orang JKK di Kawasan Dun N3 Tanjung Datu telah diserahkan projek-projek yang melibatkan kerja-kerja kecil pembersihan sungai dan menambahbaik sistem perparitan.



Lawatan ke Tapak Program NAWABS Lembangan Sungai Similajau, Sarawak

Oleh: Bahagian Pengurusan Sumber Air & Hidrologi

“NAWABS atau National Water Balance System merupakan salah satu pencapaian penting Jabatan Pengairan dan Saliran, Malaysia yang sedang giat dibangunkan bagi manfaat Negara khususnya dalam menguruskan sumber air di negara kita.”

Lanjutan dari itu, satu sesi taklimat dan lawatan tapak Program NAWABS Lembangan Sungai Similajau, Sarawak telah diadakan pada 15-16 Februari 2017 yang telah diketuai oleh Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi, YBhg. Dato' Ir. Haji Nor Hisham bin Mohd Ghazali bertempat di Pejabat JPS Bintulu, Sarawak.

Sesi taklimat dan lawatan yang disertai seramai 35 orang pegawai JPS ini bertujuan untuk memberikan taklimat awalan Program NAWABS kepada agensi-agensi berkaitan sumber air yang terlibat di Lembangan Sungai Similajau, Sarawak serta mendapatkan gambaran awal keadaan di Lembangan Sungai Similajau, Sarawak.

Pada sesi taklimat yang diadakan, para peserta membincangkan *Term of Reference* (TOR) serta proses pengumpulan data dan maklumat untuk membangunkan NAWABS Lembangan Sg. Similajau serta melawat tapak Lembangan Sg. Similajau, *weir* dan kawasan perindustrian di Bintulu yang terlibat dalam Lembangan Sg. Similajau.





Lawatan ke Projek Lencongan Barat Perlis dan Empangan timah Tasoh

Oleh: Bahagian Khidmat Pengurusan

Empangan Timah Tasoh adalah salah satu skim takungan storan air terletak di Sungai Korok kira-kira 2.5km di bawah pertemuan Sungai Timah dengan Sungai Tasoh. Kedudukannya adalah kira-kira 17km di utara Kangar di Jalan Kangar-Padang Besar. Pembinaan empangan ini telah bermula pada tahun 1987 dan disiapkan pada bulan Jun 1992 yang terdiri daripada satu empangan utama, satu empangan pelana, satu alur limpah servis, satu alur limpah kecemasan dan alur keluar.

Bagi melihat dengan lebih dekat lagi keadaan sebenar empangan ini serta mempelajari sistem operasi, satu lawatan telah diadakan pada 16 Februari 2017 daripada Bahagian Khidmat Pengurusan, JPS Malaysia yang melibatkan penglibatan peserta seramai 20 orang kakitangan. Selain daripada lawatan ke Empangan Timah Tasoh ini, para peserta juga telah dibawa melawat ke tapak Projek Lencongan Barat Perlis bagi melihat pembinaan terowong yang sedang dilaksanakan.



Empangan Timah Tasoh

Lawatan ke Projek Menaiktaraf Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK), Kuala Gandah, Pahang

Oleh: Bahagian Bangunan & Infrastruktur



Pada 15 Februari yang lalu, YBrs. Ir. Haji Ab. Qahar bin Osman, Timbalan Ketua Pengarah II (Sektor Pakar) JPS Malaysia telah mengetuai sesi taklimat dan lawatan kerja ke tapak Projek Menaiktaraf Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK) Kuala Gandah, Lanchang, Pahang (Fasa 2)

Satu taklimat ringkas projek telah disampaikan oleh En. Khairuddin bin Sulaiman, Jurutera Kanan Daerah Temerloh di Bilik Mesyuarat PKGK kemudian disusuli dengan lawatan kerja ke tapak projek. Sesi lawatan ini telah memberikan pendedahan berkenaan status semasa projek Fasa 2 ini dan dapat memberi lesson learn kepada semua yang terlibat dalam projek ini berkenaan pengendalian dan pemantauan projek.



Mesyuarat Pengurusan Sektor Pakar JPS, Malaysia dan lawatan ke Taman Negara Kuala Tahan, Pahang

Oleh: Bahagian Bangunan Infrastruktur

Pada 16 hingga 17 Februari 2017 yang lalu, Bahagian Bangunan dan Infrastruktur (BBI), JPS Malaysia telah menganjurkan Mesyuarat Pengurusan Sektor Pakar yang bertempat di Pejabat PERHILITAN Taman Negara Kuala Tahan Pahang. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah II (Sektor Pakar), YBrs. Ir. Haji Ab. Qahar bin Osman, diiringi oleh YBrs. Tuan Hj. Azmi bin Ibrahim, Pengarah BBI serta Pengarah-pengarah Bahagian di bawah Sektor Pakar. Tujuan utama mesyuarat ini adalah untuk menyampaikan arahan-arahan semasa kepada semua Pengarah Bahagian di bawah Sektor Pakar dan juga untuk membincangkan isu-isu berkaitan serta KPI bahagian. Mesyuarat ini dimulai dengan lawatan ke projek yang telah dilaksanakan oleh BBI iaitu Projek Santuari Kelah dan juga Projek Board Walk Kuala Tahan.



Ahli Mesyuarat Pengurusan Sektor Pakar JPS Malaysia juga telah membuat lawatan teknikal ke Zoo Bukit Gambang Safari Park, Gambang, Pahang pada 17 Februari 2017. Lawatan dan penerangan telah disampaikan oleh Pengarah Jabatan Veterinar dan Zoologi Bukit Gambang Safari Park. Lawatan teknikal ini bertujuan untuk melihat sendiri binaan kurungan haiwan dan jenis pintu kurungan untuk diaplikasikan di dalam projek tersebut. Selain itu, lawatan ini juga memberi pendedahan berkenaan jenis kurungan haiwan dan cara pengendalian haiwan kepada pegawai dan kontraktor yang terlibat dalam projek Pembangunan Pusat Penyelamat Hidupan Liar Fasa III di Sungkai, Perak.



Oleh: Bahagian Rekabentuk Empangan

Oleh: Bahagian Rekabentuk Empangan



Justeru itu, dalam menghasilkan satu dokumen garis panduan bagi keselamatan empangan, satu Mesyuarat Pemurnian Garis Panduan *National Dam Safety Management Guidelines* (NDSMG) telah diadakan pada 20-22 Februari 2017 bertempat di Kuala Terengganu, Terengganu. Mesyuarat ini telah diketuai oleh Tuan Ir. Hj. Ilias bin Mamat, Pengarah Bahagian Rekabentuk dan Empangan dan dihadiri oleh semua pihak berkepentingan dalam pengurusan empangan seperti BPSP (MOA), Bahagian Bekalan Air (KeTTHA), Jabatan Mineral dan Geosains, Lembaga Air Perak, Kementerian Kemudahan Awam Sarawak, Tenaga Nasional Berhad dan pihak perunding Angkasa Consulting Services Sdn Bhd.

Dalam mesyuarat ini, perbincangan adalah bertujuan untuk mengemaskini, mengumpul maklumat serta mendapatkan maklumbalas yang komprehensif dari semua pihak berkepentingan (*Stakeholder*) bagi memantapkan penyediaan dokumen garis panduan *National Dam Safety Management Guidelines* (NDSMG) bagi mencapai piawaian yang dikehendaki oleh semua pihak yang berkepentingan (*Stakeholder*) di dalam Pengurusan Keselamatan Empangan di Malaysia. Seterusnya, ahli mesyuarat dibawa melawat ke Empangan Tasik Kenyir bagi bertukar maklumat dan berkongsi pengalaman mengenai operasi empangan terutamanya dari aspek kawalselia dan keselamatan empangan tersebut.

INTEGRITY CORNER

Surcaj:

“Suatu kaedah bagi kerajaan mengganti balik segala kehilangan atau kerugian di pihak Kerajaan yang telah dilakukan oleh pegawai”



Disebabkan :

- * Gagal memungut hasil Kerajaan.
- * Melakukan pembayaran salah / Tidak boleh disokong.
- * Bertanggungjawab terhadap apa-apa kekurangan atau kemusnahan wang, setem, sekuriti, barang-barang dan lain-lain harta Kerajaan.
- * Gagal untuk menyelenggara akaun dan lain-lain rekod dengan teratur.
- * Gagal/ lewat membuat bayaran kepada pihak yang sah menerimanya.

Seksyen 18, Akta Tatacara Kewangan 1957
[Peraturan 51, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & tatatertib) 1995]

Khalwat Merupakan Kes Jenayah

Pelihara diri anda daripada terlibat dengan kes khalwat. Perbuatan ini disifatkan sebagai telah mencemarkan imej Perkhidmatan Awam dan boleh dikenakan Tindakan Tatatertib sehingga Hukuman Buang Kerja.

[Peraturan 4.(2)(d), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan tatatertib) 1993]